

جرنل قنديقر اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLAM

Jilid 13 Bil. 1 Ogos 2008/Sya'ban 1428H ISSN 0127-5153 Harga RM15.00

DAFTAR ISI

-
- | | |
|--|----|
| <input type="checkbox"/> KONSEP KURIKULUM BERSEPADU DAN PERLAKSANAANNYA
DI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM MASA KINI:
SATU TINJAUAN SEMULA
Rahimah Embong | 1 |
| <input type="checkbox"/> PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH, MENENGAH DAN TAHFIZ ABIM;
RASIONAL, FALSAFAH, KURIKULUM DAN OPERASI
Haji Mahyuddin Ashaari | 15 |
| <input type="checkbox"/> LITERASI SAINS: IMPLIKASI SOSIO-BUDAYA KE ATAS
MASYARAKAT ISLAM
Rosnani Hashim | 27 |
| <input type="checkbox"/> TERAS DAN TERAP PLURALISME
Azhar Ibrahim Alwee | 43 |
| <input type="checkbox"/> KEPELBAGAIAN PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
RASULULLAH (S.A.W) DEMI MENJANA PENDIDIKAN YANG BERKESAN
Che Noraini Hashim | 61 |
| <input type="checkbox"/> MOTIVATION AND STUDENT LEARNING: AN ISLAMIC PERSPECTIVE
Zaleha Izhah & Ahmad M. H. Hasoubah | 81 |
| <input type="checkbox"/> BOOK REVIEW:
Al-Farabi, Ara' Ahl Al-Madina Al-Fadila | 99 |
-



جurnal قنديقر اسلام
Jurnal
PENDIDIKAN
ISLAM

Jilid 13 Bil. 1 Ogos 2008 / Sya'ban 1429H ISSN 0127-5153 Harga RM10.00

Pengarang Perunding
GHAZALI BASRI

Ketua Pengarang
ROSNANI HASHIM (UIAM)

Sidang Pengarang
Ahmad Mohammad Said (KDH)
Khalijah Salleh (UKM)
Mahyuddin Ashaari (YTP)
Mohaini Mohamad (UTM)
Sharifah NorulAkmar S. Zamri (UM)
Tajul Nordin Ariffin (UKM)
Zurida Ismail (USM)

Terbitan:
YAYASAN TAKMIR - PENDIDIKAN

Kompleks Dar al-Hikmah,
d/a SEMI ABIM Sg. Ramal,
Lot 1662, Sg Ramal Dalam,
43000 Kajang, Selangor.
Tel: 03-89265853 Fak : 03-89263213
Emel :ytp_abim@yahoo.com

KEPELBAGAIAN PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN RASULULLAH (S.A.W.) DEMI MENJANA PENDIDIKAN YANG BERKESAN

Oleh
Che Noraini Hashim

Abstract

Globalization has brought about many drastic changes in our life including in education. The explosion of information and communication technologies, advancement in educational researches and practices have compelled teachers to be more sensitive to change. They need to consistently improve their teaching quality. The traditional lecture method of 'talk and chalk' and the 'trial and error' method are inadequate to produce excellent students today. Although many teachers have been exposed to different theories and methods of teaching and learning, the outcomes have not been promising. This paper discusses the approaches, strategies and methods such as halaqah, lecture, demonstration and story telling, that have been used by the Prophet Muhammad (pbuh) to obtain a generation of unique, God-conscious individuals and some proposition on how to obtain optimum results in learning.

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran hendaklah disandarkan kepada satu proses interaksi yang berterusan di antara murid dan guru/pendidik. Para pendidik sangat-sangat digalakkan untuk menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran untuk mengoptimumkan pembelajaran. Terdapat banyak teori dan pendekatan/strategi pengajaran dan pembelajaran yang biasa disarankan namun hasilnya masih perlu dinilai dan dipertingkatkan. Al-Quran merupakan sumber teragung dan terpenting bagi pendidikan dalam Islam, manakala Rasulullah s.a.w. merupakan seorang tokoh pendidik yang hebat mengamalkan kurikulum yang terbilang bagi melahirkan *insan al-kamil* yang cemerlang. Pendidikan Islam pada zaman Rasulullah bermula ketika Nabi Muhamad s.a.w. menerima Wahyu yang pertama pada tahun 610 Masihi yang juga merupakan landasan prinsip asas ilmu dalam pendidikan Islam:

Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah mencipta. Telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah, Yang mengajarkan dengan

pena, Yang mengajar kepada manusia apa-apa yang ia tidak ketahuinya.

(Al-Alaq: 1-5)

Ayat ini selain menandakan kelahiran Islam, juga memberi penekanan kepada kewajipan menuntut ilmu tanpa mengira gender, bangsa dan keturunan. Jelas sekali ayat pertama '*Iqra*' merupakan suruhan supaya manusia membaca yang merupakan satu pra-syarat yang terpenting untuk mendapatkan Ilmu. Para cendekiawan dalam pendidikan sendiri mengakui bahawa membaca merupakan langkah terbaik dalam proses pendidikan kerana membaca melibatkan proses pengenalan bahan bacaan, mental, ingatan, tumpuan pemikiran dan juga psikologi (Che Noraini, 2004)

Islam mewajibkan umatnya, kaum Muslimin dan Muslimat menuntut ilmu sejak dari buaian sehingga ke liang lahad kerana orang yang berilmu akan mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat disebabkan ilmunya itu. Sepertimana dalil dari Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : "Tuntutilah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad" dan "Tuntutlah ilmu walau ke Negeri China." Sebagai seorang Islam kita sudah tentu tidak patut meragui lagi keutamaan yang Allah berikan kepada orang yang berilmu sebagaimana Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

Katakanlah adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran. (Az-Zumar : 9)

Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antarakamu dan orang-orang yang berilmu pengetahuan beberapa darajat. Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (Al Mujaddilah :11)

Begitu juga sebagaimana Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Mengapa kamu menyuruh orang mengerjakan kebajikan sedang kamu melupakan diri kamu sendiri? Padahal kamu membaca Kitab. Tidakkah kamu mengerti? (Al-Baqarah : 44)

Sejarah Rasulullah Sebagai Pendidik

Rasulullah s.a.w. mengharungi dan mengendalikan sendiri dunia pendidikan pertama di rumah Al Arqam bin Abi Arqam pada 610 Masihi di Mekah

dengan penuh kesukaran. Pengajian awal di Al-Safa yang sangat kecil bilangan pelajarnya dibuat dalam bentuk halaqah dan dikendalikan oleh Rasulullah s.a.w. secara sulit kerana bimbangkan gangguan daripada kaum Quraish. Baginda memberi tumpuan pengajian kepada ahli keluarga, sahabat handai dan hamba sahaya sahaja. Isi kandungan dan pendidikan peringkat awal bergantung sepenuhnya kepada wahyu yang diturunkan Allah kepadanya. Baginda membaca terus ayat-ayat yang diterima dari Malaikat Jibrail a.s, menjelaskan dan membimbing pengikut-pengikut serta pelajar-pelajarnya melaksanakan semua perintah Allah s.w.t. dengan sempurna. Perkara asas yang ditekankan pada peringkat ini ialah aqidah dan akhlak serta cara hidup Islam. Sejarah menunjukkan melalui sifat keguruan dan keimanan yang tinggi serta kesungguhan melaksanakan amanah Allah s.w.t., dalam masa tiga tahun sahaja baginda dapat membentuk sakhsyah muslim ke dalam setiap jiwa muridnya. Manakala para sahabat yang telah ditarbiyyah terus melaksanakan juga tanggungjawab mendidik dengan penuh semangat, kesabaran dan keimanan yang kental. Setelah terbukti keberkesanannya, Allah memerintah supaya Rasulullah mengisytiharkan Islam secara terbuka.

Apabila Rasulullah s.a.w. dan sahabat berhijrah ke Madinah pada tahun 622 M, sistem pendidikan Islam mengalami perubahan. Dengan terbinanya Masjid Quba' dan Masjid Nabawi, fungsi masjid menjadi markas bagi segala aktiviti agama dan masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan pendidikan dan ibadat. Rasul s.a.w. menjadikan Masjid Nabawi sebagai tempat belajar urusan dunia dan agama di samping tempat beribadat. Struktur pengajian yang lebih sistematik dan formal diadakan apabila sebuah surau Al-Suffah bersambung dengan masjid didirikan. Rasulullah s.a.w. sendiri memberi pengajaran kepada umat Islam di Al-Suffah, di samping melantik beberapa orang sahabat yang terkemuka untuk menjadi guru yang mengajar beberapa mata pelajaran yang berlainan di surau tersebut. Di antara para sahabat yang bertugas sebagai guru ketika itu ialah Abdullah b. Rawahah, Ubadah b. Samit dan Abu Ubaidah Al Jarrah.

Untuk memahami tugas Rasulullah s.a.w. sebagai seorang pendidik yang pada peringkat awal masih mentah (fresh) tiada pengetahuan dan pengalaman serta pedagogi mengajar, kita perhatikan ayat berikut yang bermaksud :

... : Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang rasul di antara mereka yang membacakan ayat-ayatnya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kepada

mereka Kitab dan hikmah. Dan mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata. (Al Jumaah: 2)

Ayat ini secara ringkas menjelaskan 5 perkara: (i) Dialah Allah yang mengutus seorang Rasul (yang juga pada asalnya buta huruf tetapi tidak buta hati) kepada kaum yang buta huruf dan tiada pengetahuan tentang Allah supaya (ii) membacakan ayat-ayatNya, (iii) mensucikan mereka, (iii) mengajarkan dan menjelaskan kepada mereka kitab dan hikmah, (iv) mendidik, memberi tunjuk ajar dalam kerohanian dan intelek supaya mereka menjadi manusia yang berguna, dan (v) Di akhir ayat Allah s.w.t. memperingatkan bahawa sebelum ini mereka berada di dalam kesesatan yang nyata namun melalui pendidikan mampu merubah seseorang manusia itu.

Matlamat Pendidikan Rasullulah s.a.w

Matlamat pendidikan di zaman Rasulullah s.a.w. bersifat 'Rabbani' kerana pendidikan bersumberkan Wahyu Ilahi dan matlamat Al-Quran diturunkan ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaKu. (Azzariyat : 56)

Jelas kepada kita matlamat Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan soleh yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak. Oleh itu Pendidikan Islam haruslah diajar untuk memperlihatkan kesyumulan Islam sebagai satu sistem hidup yang syumul, bukan sekadar menyampaikan maklumat atau pengetahuan semata-mata. Malahan ia semestinya dihayati dan diamalkan sepenuhnya oleh setiap pelajar dan masyarakat Islam yang beriman kepada Allah s.w.t. Dalam usaha membentuk 'insan rabbani', maka pendidikan guru, kurikulum Pendidikan Islam, serta straregi pengajaran dan pembelajaran mesti digubal berorientasikan pencapaian falsafah dan matlamat pendidikan Islam sebagaimana yang dimodelkan oleh Rasulullah s.a.w.

Menurut Zainal Abidin (1993), sarjana Pendidikan Islam telah bersepakat bahawa untuk mencapai matlamat pendidikan Islam dengan berkesan dan berjaya ia harus ditentukan dengan falsafah dan matlamat yang jelas. Oleh itu satu pernyataan Falsafah dan matlamat Pendidikan Islam telah dijelaskan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) itu sendiri iaitu:

Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan berdasarkan Al Quran dan As-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

(Falsafah Pendidikan Islam)

Matlamat Pendidikan Islam yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah, untuk membentuk dan memperkembangkan insan supaya menjadi muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ker arah melengkapkan diri serta bertanggung jawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa.

(Matlamat Pendidikan Islam)

Merujuk kepada pernyataan Falsafah dan matlamat pendidikan Islam ini maka Pendidikan Islam menurut Langggulung (2000) dapat dirumuskan seperti berikut:

Pertama: Pendidikan sepanjang hayat.

Kedua: Pembangunan seluruh potensi manusia (roh, akal dan jasad) secara bersepadu

Ketiga: Memahami dua fungsi manusia sebagai hamba dan Khalifah (wakil) Allah yang ditugaskan;

Keempat: Memakmurkan seluruh alam di atas;

Kelima : Kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal soleh untuk mencapai;

Keenam : Kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Jelas sekali bahawa Pendidikan Islam mesti dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu. Tajul Ariffin (1988) mentakrifkan bersepadu ialah pendidikan yang bersumberkan Al-Quran dan Hadith di samping adanya integrasi disiplin ilmu akal ke arah membina masyarakat ummah yang berteraskan akidah. Oleh itu pelaksanaan Pendidikan Islam yang berkesan mampu membangunkan seluruh potensi manusia (roh, akal dan jasad), dapat berfungsi sebagai khalifah Allah dan mampu memakmurkan seluruh alam untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Konsep, Strategi dan Pedagogi Rasulullah s.a.w.

Mengikut Kamus Dewan (DBP, 1998) perkataan strategi dihuraikan sebagai rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Strategi juga bermakna kebijaksanaan dalam menguruskan sesuatu perkara. Menurut Rowntree (1979), "*pedagogy is defined as the principles, methodology and profession of teaching and instruction*". Perkataan strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti sering digunakan seolah-olah merujuk kepada istilah yang sama atau boleh ditukarganti di antara satu dengan yang lain. Walaupun tidak dinafikan bahawa kelima-lima perkataan ini ada ciri-ciri persamaannya dan saling lengkap melengkapi namun dalam konteks pendidikan pengertian di antara konsep-konsepnya adalah berbeza. Memang terdapat banyak strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran yang guru boleh gunakan dan pelajar boleh amalkan. Dalam perbincangan ini penulis merujuk kepada beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mendidik para sahabat dan pelajar-pelajarnya.

Kepelbagaian strategi ini bukanlah terdapat dalam penulisan dunia Barat sahaja: malahan contoh-contoh yang jelas ketara terdapat dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Rasulullah s.a.w. didedahkan dengan berbagai-bagai kaedah dan metode pengajaran dan pembelajaran secara tidak langsung menerusi Malaikat Jibril a.s. Antara kaedah yang dapat dikesan menerusi inspirasi Al-Quran ialah kaedah syarahan (kuliah), kaedah hafazan, kaedah perbincangan (*muhadathah*), kaedah dialog atau soal jawab, kaedah perbahasan (*mujadalah*), kaedah pandang-dengar, kaedah pengembaraan (*rihlah*) dan kaedah halaqah.

Sebenarnya, jika kita renungi secara mendalam, Al-Quran boleh dijadikan salah satu rujukan utama untuk mengesani kepelbagaian strategi pengajaran-pembelajaran. Di dalamnya terdapat cara-cara penyampaian yang amat sesuai untuk diamalkan oleh guru masa kini. Berdasarkan prinsip-prinsip pembelajaran dan dapatan ahli-ahli psikologi, di antaranya kaedah penyampaian secara nasihat, amaran, kiasan, contoh, ulangan, pedoman dan perumpamaan. Namun yang pentingnya bagi kita ialah supaya sentiasa membuat rujukan kepadanya dan mengambil iktibar dan pembelajaran secara tersurat ataupun tersirat. Berikut diutarakan secara ringkas beberapa contoh strategi pengajaran-pembelajaran yang pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. bagi mendidik para sahabat dan orang awam.

Kaedah *Qudwah hasanah* (role-model)

Kaedah atau *uslub* utama yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. adalah berbentuk praktikal dan amalan akhlak dalam sirah sebagai cara hidup yang terbaik. Rasulullah merupakan contoh terbaik dalam semua situasi. Baginda tidak pernah mengarahkan sesuatu perkara kebaikan dilakukan melainkan baginda dahulu melaksanakannya. Baginda juga tidak menegah dari melakukan sebarang kejahatan melainkan baginda yang terlebih dahulu meninggalkan atau menjauhkannya. Tingkahlaku dan akhlak yang dimodelkan oleh baginda meninggalkan impak yang berkesan dan seterusnya diikuti pula oleh sahabat-sahabat. Ini dapat dibuktikan sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Demi sesungguhnya adalah bagi kalian pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik (Qudwah Hasanah). Iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. (Al Ahzab : 21)

Dalam sebuah hadith yang masyhur yang diriwayatkan dari Saydatina Aishah r.a, apabila beliau ditanya mengenai akhlak Rasulullah s.a.w., jawapan yang di berikannya “Akhlak Rasulullah ialah Al-Quran” yang bermaksud Rasulullah s.a.w mengamalkan dan menterjemahkan kesemua pengajaran dari Al-Quran ke dalam kehidupan hariannya, dalam semua tindakan dan keadaan. Imam An-Nawawi dalam Hadith Empat Puluhnya memberikan beberapa contoh keperihatinan dan kasih sayang yang tunjukkan oleh Rasulullah. Baginda menunjukkan contoh dengan membuang duri jalan lalu lintas awam memberi minum anjing yang kehausan serta memberi kasih sayang kepada anak-anak yatim. Baginda menjelaskan pula bahawa amalan-amalan yang boleh membawa seseorang ke syurga. Begitu juga larangan Baginda menyiksa walaupun sekadar seekor binatang (contoh mengikat kucing hingga mati) boleh membawa seseorang itu ke neraka. Contoh yang lain misalnya, semasa pembinaan masjid Quba’ Baginda merupakan orang yang pertama mengangkat dan menyusun batu bata walaupun kepenatan (selepas berhijrah dari Mekah ke Madinah) sedangkan baginda boleh sahaja memberi arahan kepada sahabat-sahabatnya untuk melakukan itu.

Menggunakan Kaedah Soal-Jawab

Rasullulah s.a.w. kerap kali mengajar dengan menggunakan kaedah soal-jawab dan beliau mempunyai kelebihan mendapatkan maklumat daripada

pelajarnya serta berupaya membuka minda mereka. Al-Qardawi (1984) menjelaskan Rasul s.a.w. dalam menyoal dan menunggu jawapan kadangkala juga memberi pedoman (*clue*) dan berlaku pula tolak ansur (*give and take*) di antara Baginda dan pelajarnya. Al-Bukhari meriwayatkan bagaimana Rasul s.a.w. kerap bertanya para sahabat untuk menguji pengetahuan mereka. Sebagai contoh Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan:

“Ada sejenis pohon yang sebagai muslim sebab daunnya tidak gugur”. Suasana diam seketika. Sahabat mula berfikir tentang pokok-pokok di padang pasir dan Ibn Umar dilaporkan mengetahui jawapan lebih awal tetapi tidak berkata apa-apa. Bila melihat keadaan kesemua sahabat diam seolah-olah gagal memberi jawapan, Rasulullah pun memberi jawapan setelah diminta berbuat demikian dengan menyatakan ‘pohon kurma’. Jelas dalam kaedah ini Baginda cuba menguji pengetahuan sedia ada sahabat dan berhenti sejenak di antara soalan dan jawapan untuk memberi ruang mereka berfikir.

Rasul juga pernah menyatakan “Agama itu Nasihat.” Sahabat bertanya “Untuk siapa ya Rasulullah?” Baginda menjawab, “Untuk Allah dan kitabNya, RasulNya, Pemimpin-pemimpin dan untuk orang awam.” Jelas di sini Rasulullah membuat pernyataan dan mengalakkan sahabat bertanya sebelum memberi jawapan. Dalam Hadith yang lain (Imam Nawawi, Hadith 40), Rasul s.a.w. bertanya sahabat siapakah orang yang paling kuat? Sahabat menjawab, “Orang yang tidak boleh dicampak” Baginda menyatakan ‘Tidak, mereka ialah orang yang dapat menahan marahnya’. Kelihatan disini cara Rasulullah s.a.w. berkomunikasi dan menggunakan psikologi yang mungkin pada asalnya tidak dapat difahami oleh sahabat dan pendengar sepintas lalu tetapi mempunyai makna yang tersirat yakni orang yang kuat ialah orang dapat menahan (kuat sabar) ketika marah.

Menurut An Nahlawi (1983), jelas dari banyak peristiwa yang berlaku Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah soal jawab untuk menggalakkan pengikut dan sahabatnya peka, berfikir dan faham tentang apa yang baginda sampaikan serta mengalakkan perbincangan dari mereka yang hadir. Kadangkala soalan yang dikemukakan adalah berkait secara langsung dengan akhlak dan moral. Rasulullah s.a.w. juga memahami pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan apabila sesuatu pelajaran itu diletakkan dalam konteks tahap pemikiran pelajar atau pengikutnya.

Pada suatu hari datang seorang pemuda datang berjumpa Rasulullah s.a.w. “Wahai Muhammad, saya berhajat untuk memeluk Islam tetapi benarkan saya untuk berzina”. Mendengar permintaan pemuda itu para hadirin menempelak atas kebiadapannya. Lalu Rasulullah menenangkan keadaan dan menyuruh pemuda itu dibawa dekat kepadanya. Rasul menggunakan kaedah soal-jawab dan pendekatan psikologi. Baginda bertanya, “Adakah anda akan membenarkan sekiranya ada orang berzina dengan ibumu?” Pemuda itu terus menjawab “Tidak sekali-kali. Pasti akan dihalang sehebat-hebatnya.” Kemudian Rasulullah menyoal dengan bertubi-tubi. “Bagaimana pula jika zina dilakukan terhadap anakmu?”, Pemuda itu terus menjawab, “Tidak sekali-kali. Pasti akan dihalang sehebat-hebatnya.” “Bagaimanapula jika dilakukan zina terhadap saudara-saudara perempuanmu.” Pemuda itu tetap mempertahankan bahawa beliau tidak akan sekali-kali membenarkannya. Rasul seterusnya menyatakan jika kamu tidak mahu zina itu dilakukan terhadap ibu, anak dan saudara perempuanmu maka demikianlah pula orang lain juga tidak akan membenarkan perbuatan terkutuk ini dilakukan ke atas ahli keluarga mereka.

Kaedah soal-jawab ini jelas menunjukkan kebijaksanaan Rasulullah sebagai seorang pendidik yang hebat. Baginda tidak terus menghukum atau berdebat secara terbuka dengan pemuda yang ternyata angkuh, sombong dan ego itu tetapi sebaliknya mengemukakan soalan supaya pemikiran ‘lucah dan kotor’ serta penerusan aktiviti tidak berakhlak dapat dinilai dengan minda yang terbuka, sehingga pemuda tersebut menyedari kesilapan perbuatannya dan bertaubat lalu memeluk agama Islam. Rasul kemudian mendoakan kesejahteraan dan keselamatannya dari nafsu yang tidak terkawal.

Kaedah syarahan

Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah memberi syarahan seperti dalam memberi khutbah kepada orang ramai sebelum atau selepas solat jumaat, solat berjemaah atau dalam ucapan umum. Perlu diingatkan apabila dikatakan khutbah, ia tidak terbatas kepada satu suasana dengan memberi ucapan di atas mimbar sahaja, tetapi khutbah juga merupakan satu suasana di mana baginda memberi ucapan, ajaran, nasihat dan peringatan kepada sejumlah orang ramai yang bilangannya melebihi kebiasaan, pada bila-bila masa. Khutbah seperti ini pernah disampaikan Baginda dengan cara berdiri, dan adakalanya di atas unta, kuda, batu atau bukit kecil supaya ia dapat didengar oleh orang ramai.

Baginda membentangkan isu dengan jelas, susunan dengan format yang logik ada mukaddimah, susunan isi, dan langkah-langkah penyampaian

yang kemas tersusun serta di akhiri dengan kesimpulan atau penutup. Rasul tidak akan membiarkan suasana menjadi bosan dan mengantuk. Oleh itu baginda menggunakan ekspresi muka, mata, intonasi suara untuk menarik perhatian pendengar dan dapat mempengaruhi pemikiran mereka. Contohnya, pada tahun ke 10 Hijrah ketika mengerjakan *Hujjatul Wida,* yang lebih dikenali dengan khutbah perpisahan, yang mana Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan khutbahnya yang terakhir. Baginda menyampaikan khutbahnya yang bersejarah itu dengan set induksi berikut:

Segala puji bagi Allah. Kita memuji, meminta pertolongan, beristighfar dan bertaubat kepadaNya. Kita berlindung denganNya daripada kejahatan diri dan keburukan amalan kita. Sesiapa yang Allah berikan hidayat kepadanya, maka tidak ada siapa yang boleh menyesatkannya. Sesiapa yang disesatkan oleh Allah, maka tidak ada siapa yang boleh memberikan hidayat kepadanya. Aku menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Esa, tidak ada sekutu bag-Nya. Aku menyaksikan bahawa Muhammad adalah hamba dan rasu-Nya. Aku berpesan kepada kamu supaya mentaati-Nya.

Selepas mengucapkan rasa syukur terhadap Allah s.w.t. Baginda memulakan khutbahnya dengan kata-kata berikut:

Wahai manusia! Sila dengar dan beri perhatian terhadap apa yang akan aku katakan ini. Aku tidak tahu apakah aku akan dapat bersama kamu semua lagi selepas tahun ini, di tempat ini selamanya."

Baginda meminta supaya ucapannya itu disampaikan pula kepada orang yang tidak hadir, kepada masyarakat dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan dari satu generasi ke satu generasi .

Di sini kita perhatikan dengan jelas keberkesanan kaedah yang digunakan oleh Rasulullah di mana permulaan ucapannya sangat menarik dan secara langsung ditujukan kepada semua manusia/ hadirin dengan menyebut *wahai manusia* (lapan kali sepanjang khutbah ini). Baginda mengelak penggunaan perkataan *wahai orang-orang Islam* kerana ucapan itu bukan untuk orang Islam sahaja malah untuk seluruh manusia tanpa mengira masa, tempat, gender, agama dan bangsa.

Di akhir khutbah itu, Baginda dengan penuh emosi yang cukup menyentuh hati setiap yang hadir meminta mereka memberi perhatian terhadap persoalan yang akan bicarakan. *"Wahai manusia adakah aku telah menyampaikan risalah Allah sebenar-benarnya kepada kamu sekalian?"* Soalan itu secara spontan disambut oleh jutaan para hadirin sebagai gelombang yang sangat terang dan kuat dengan menegaskan *"Allahumma na'am"*. Mereka menjawab, *"Kami bersaksi bahawa tuan telah menyampaikan dan menyempurnakan risalahMu."* Baginda lalu mengangkat tangannya ke langit dan menurunkannya ke arah orang ramai sambil berkata, *"Ya Allah! Saksikanlah."* Baginda Rasulullah mengucapkannya sebanyak tiga kali. Orang yang hadir mengulang kembali ucapan Rasulullah dengan kuat dan cukup bersemangat.

Pengajaran Rasulullah pada peringkat awal memberi penekanan kepada Aqidah, keimanan kepada Allah s.w.t dan Hari Akhirat kepada keluarga terdekat, sahabat dan pengikut-pengikutnya. Dengan kaedah ini Rasulullah telah berjaya menanamkan keimanan ke dalam lubuk hati pengikut-pengikutnya. Sejarah telah membuktikan keberkesanan kaedah ini di mana Saydatina Khadijah, isterinya merupakan wanita pertama, Abu Bakar, lelaki pertama, Ali sepupu baginda dan pemuda pertama dan Zaid merupakan hamba yang pertama menerima Islam. Melalui interaksi sosial yang rapat dengan sahabat terdekat Saydina Abu Bakar, bilangan pelajar menyertai halaqah semakin meningkat sehinggalah Rasul menyampaikan wahyu yang menyuruh baginda berdakwah secara terang-terangan kepada penduduk Mekah.

Di sini kita dapat mengambil pengajaran bagaimana Rasulullah s.a.w. menggunakan segala peluang dan kebijaksanaan memanfaatkan perhimpunan raksasa rakyat yang dihadiri oleh berbagai puak, bangsa, lelaki dan wanita, muda dan tua yang hadir untuk menyampaikan pelajaran dan peringatan yang sangat berguna kepada seluruh manusia. Baginda dapat menguasai segenap hadirin dengan pengucapan yang begitu berkesan dan menyeluruh.


Kaedah halaqah

Kaedah *halaqah* merupakan pendekatan tradisional di mana orang ramai duduk dalam separuh bulatan menghadap tuan guru. Kaedah ini dilaksanakan melalui pengajian berkitab dari Al-Quran dan Hadith secara berkala dan konsisten. Para pendidik perlu bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dan orang yang mendengar serta apa yang disampaikannya. Pengajian yang

dilaksanakan itu hendaklah bersifat mendidik, memberi kefahaman serta penerapan nilai-nilai yang baik terhadap mereka yang dididiknya. Isi Pelajaran lebih bertumpu kepada Al-Quran dan Hadith serta perbincangan lebih fokus kepada isu-isu semasa. Rasul s.a.w. banyak menggunakan kaedah halaqah pada peringkat awal pendidikan di mana setiap kali selepas solat, para sahabat dan para jamaah mengelilingi baginda untuk mempelajari segala apa yang diperlukan secara langsung dari baginda. Kaedah halaqah dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengakrabkan hubungan guru-murid kerana kedudukan mereka yang berdekatan dan berbentuk informal.

Menggunakan Sumber Pengajaran dan Pembelajaran

Rasulullah s.a.w. pernah menggunakan teknik melukis atau kaedah grafik sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdullah Ulwan dalam bukunya, *The Education of Children in Islam* dengan memetik Hadith dari Ibn Jabir. Kata beliau, “Sedang kami duduk di hadapan Rasulullah, Baginda melukis satu garisan di atas pasir dan berkata, “Ini jalan menuju Allah (garis lurus) dan ini jalan menuju Syaitan” (dengan melukis Rajah 1, garisan yang bengkok sambil membaca ayat Quran yang bermaksud “Jalan ini adalah jalan yang lurus ikutilah ia. Janganlah kamu ikuti jalan yang sesat” (Al An’am :53).



Rajah 1 Garis lurus menuju Allah dan garis bengkok menuju syaitan.

Sumber : An-Nawawi, *Riyadh as- Salihin* h. 334 & Ulwan A., *The Education of Children in Islam* h. 682

Al-Qardawi (1984) menjelaskan bagaimana Rasulullah s.a.w. pernah mengangkat secebis telinga kambing yang telah mati di sebuah pasar dan bertanya sahabat siapa yang mahu membelinya. Para sahabat menyatakan benda itu tidak berguna. Baginda bertanya pula bagaimana jika diberi secara percuma. Para sahabat tetap dengan pendirian mereka. Lalu baginda menjelaskan bahawa dunia ini ibarat tiada nilai disisi Allah s.w.t. sebagaimana kurangnya nilai telinga kambing yang sudah mati itu di sisi sahabat. Penggunaan kaedah ini sangat berkesan kerana ia berjaya mengabungkan kaedah pendengaran dan penglihatan.

Menggunakan Contoh

Menggunakan contoh adalah cara yang sangat cemerlang dalam kaedah menyampaikan maklumat. Rasul s.a.w. memberikan banyak contoh apabila beliau menjelaskan sesuatu. Misalnya, Rasul memberikan perumpamaan seseorang yang mentaati titah perintah Allah atau yang mengingkarinya dengan membuat perbandingan penumpang di atas sebuah kapal yang mengundi untuk duduk sama ada di dek atas atau dek bawah kapal. Bagi yang mendapat undian di bawah terpaksa melalui dek atas untuk mendapatkan air daripada laut tetapi merasa kurang selesa dan mencadangkan supaya penumpang di dek atas membenarkan mereka menebuk lubang bagi memudahkan mengambil air tanpa menyusahkan kedua-dua belah pihak. Jika penumpang di atas membenarkan cadangan ini dilakukan bermakna keseluruhan penumpang berada di dalam bahaya dan tenggelam tetapi apabila dilarang maka bukan sahaja orang yang mencadangkan tetapi penumpang yang membangkang juga akan terselamat. Orang-orang yang mendengar contoh yang diberikan ini dapat menyelami kaitan contoh yang diberi Rasul s.a.w, iaitu menghalang kebebasan salahlaku dan kepentingan tanggungjawab bersama dalam sesebuah masyarakat untuk kejahteraan semua.

Contoh lain yang diberi oleh Rasul ialah apabila mengumpamakan “orang Islam itu dalam berkasih sayang, hormat menghormati dan bantu-membantu sebagai satu badan (atau satu bangunan). Jika satu anggota badan sakit yang lain turut sama merasakannya. Ini menjelaskan betapa pentingnya ikatan persaudaraan Islam yang mesti ada di kalangan individu dalam masyarakat Islam .

Kaedah Bercerita

Kaedah bercerita, sama ada cerita sebenar atau rekaan merupakan kaedah yang sangat biasa digunakan dalam semua bangsa dan budaya. Kaedah ini sangat menarik terutama untuk menarik perhatian di kalangan pendengar kerana ia boleh mempengaruhi minda sambil menyeronokan. Sebenarnya banyak kisah yang menarik yang diceritakan oleh Rasul s.a.w. kepada sahabat sama ada tua atau muda. Sebagai contoh diperihalkan oleh Imam an-Nawawi bahawa Rasul s.a.w. pernah bercerita mengenai tiga orang remaja seorang berpenyakit kulit, kedua berkepala botak dan ketiga matanya buta. Allah menghantar malaikat menyerupai manusia dan bertanya kepada yang berpenyakit kulit apakah yang sangat dihajatnya. Lalu dijawabnya untuk mendapatkan kulit yang cantik seperti orang lain. Malaikat pun menyentuh kepalanya lalu penyakitnya hilang dan kulitnya pulih. Kemudian malaikat

bertanya lagi apakah harta yang ia ingin miliki. Beliau menjawab seekor unta dan malaikat memberikannya seekor unta betina sedang mengandung sepuluh bulan. Begitulah seterusnya malaikat memulihkan sikepala botak dan sibuta dan menunaikan hajat mereka dengan masing-masing mendapat lembu dan kambing yang sedang mengandung.

Diringkaskan cerita dengan izin Allah ketiga-tiga mereka mempunyai ladang ternak binatang peliharaan yang sangat luas. Malaikat datang lagi untuk menguji mereka dengan menyerupai seorang yang berpenyakit kulit, berkepala botak dan buta mata, meminta belas ihsan. Namun mereka mengherdik malaikat tadi dan dengan bangganya menyatakan bahawa harta yang diperolehi itu adalah usaha mereka sendiri serta warisan keluarga. Malahan, mereka menafikan bahawa mereka pernah mengalami sebarang penyakit sebelumnya. Maka keseluruhan harta mereka dimusnahkan kecuali harta pemuda yang pernah bermata buta kerana memberi layanan yang baik dan insaf bahawa beliau pernah buta suatu masa dulu. Selepas itu Rasul menjelaskan iktibar dari cerita tersebut.

Kaedah Penyelesaian Masalah

Peribadi Rasul yang mulia membuatkan penduduk Makkah pada waktu itu kagum dan menghormati beliau. Baginda juga diberi gelaran al-Amin iaitu seorang yang dipercayai dan beramanah. Baginda terkenal dengan bercakap benar, sopan santun dan disukai penduduk Makkah. Keagungan akhlaknya dapat digambarkan dalam setiap perilaku baginda sehari-hari. Contohnya pada suatu peristiwa yang berlaku sebelum baginda dilantik menjadi Rasul. Muhammad Abdullah adalah pemuda yang pernah diberi kepercayaan menghakimi perbalahan berkaitan perletakan Batu Hitam (*Hajar al-Aswad*) di Kaabah. Jiwa kepemimpinan dan kaedah pengajaran baginda dapat dilihat ketika terjadi perselisihan sengit yang boleh membawa kepada pertumpahan darah. Ketika itu masing-masing kabilah berselisih sehingga suasana amat tegang. Masing-masing mengaku kumpulan merekalah yang lebih dihormati dan berhak meletakkan *Hajar al-Aswad* di Kaabah. Rasul tampil mampu mendamaikan puak bertelagah dengan menggunakan kaedah penyelesaian masalah iaitu dengan melibatkan seluruh kabilah atas peletakan *Hajar al-Aswad* dengan cara memegang hujung-hujung kain yang di tengahnya diletakkan batu itu.

Baginda meminta setiap kabilah memegang setiap hujung sehelai kain yang berbentuk empat segi dan Baginda sendiri meletakkan batu *Hajar al-Aswad*

di atas kain itu. Keempat-empat perwakilan kabilah itu pun lalu mengangkat kain yang berisi Hajar Aswad dan mengiringinya menuju Kaabah. Apabila sampai berhampiran Kaabah dan di tempat yang dituju, baginda sendiri yang mengangkat hajar al-aswad dengan kedua belah tangannya dan meletakkan batu itu di tempatnya. Baginda mengetahui perselisihan akan berulang jika dibiarkan sendiri puak masing-masing menentukan siapa layak meletakkannya walaupun telah sampai ke saat akhir. Peristiwa ini jelas menunjukkan kebijaksanaan Rasul dalam menyelesaikan masalah, menegakkan keadilan serta mengelak dari berlakunya pertumpahan darah ketika itu.

Kaedah Demonstrasi

Rasul s.a.w. menunjukkan cara-cara mengambil wudhu' sebelum menunaikan sembahyang. Diriwayatkan daripada Sayyidina Amri bin Shuib dari bapanya. Sesungguhnya pada suatu hari seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. bertanyakan bagaimana cara berwudhu'. Maka Rasul meminta sebekas air dan membasuh kedua tapak tangannya tiga kali, membasuh muka tiga kali kemudian membasuh kedua tanganya hingga ke siku, diikuti dengan menyapu air ke kepala dan memasukkan jari ke dalam cuping telinga dan jari ibu di bahagian luarnya diikuti dengan membasuh kedua kakinya sebanyak tiga kali. Baginda kemudiannya bersabda mafhumnya: "inilah cara berwudhu' maka barang siapa yang menambah atau mengurangkan (dari apa yang ditunjukkan oleh Nabi) telah melakukan kesilapan."

Baginda juga pernah menunjukkan cara-cara mendirikan sembahyang serta menjadi imam dengan berdiri di mimbar ketika sembahyang agar seluruh makmun melihatnya sendiri. Setelah menunaikan solat baginda berhadapan dengan para jama'ah sambil menjelaskan tujuannya adalah supaya mereka dapat melihat sendiri serta mengikutinya bagaimana mendirikan solat dengan sempurna.

Kaedah Penilaian

Untuk melihat keberkesanan sesuatu pendidikan, Rasul s.a.w. sering membuat penilaian dengan menyoal kembali, berdialog, menguji kemahiran, menilai pengorbanan melakukan sesuatu dan sebagainya. Dengan itu Rasul dapat mengetahui sejauh mana matlamat pendidikan Islam yang diberikan Baginda telah dapat difahami dan dicapai. Sebagai contoh, Rasul pernah menguji Muaz ibn Jabar ketika beliau diutus sebagai Gabenor di Yaman.

Baginda bertanya: “Bagaimanakah kamu hendak menghukum ya Muaz?”

“Saya berpandukan kepada Kitab Allah,” Jawab Muaz.

“Kiranya tidak terdapat kitab Allah?” Balas Rasul.

Jawab Muaz, “saya akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah. jika tidak terdapat pada Sunnah Rasulullah? Jawab Muaz. “Saya akan berijtihad.”

Rasul s.a.w. bersabda: “Bersyukurlah kepada Allah yang membenarkan utusan Rasulullah.”

Ketika Rasul s.a.w. mengalami peristiwa Isra’ dan Mi’raj, Baginda telah menguji keimanan Saidina Abu Bakar r.a. Beliau bertanya adakah Abu Bakar mempercayai cerita yang disampaikan sedangkan beliau tidak menyaksikannya. Maka Saidina Abu Bakar yang sangat tinggi ketakwaannya hasil didikan Rasul s.a.w terus menjawab, Jika Baginda menyatakan sesuatu yang lebih dari itu pun beliau pasti akan mempercayainya tanpa sebarang keraguan. Sehingga beliau di gelar Abu Bakar al- Siddiq.

Analisis

Ringkasnya terdapat beberapa perkara penting dalam pendekatan pendidikan yang dipraktikkan oleh Rasul s.a.w. Pertama, selepas peristiwa Hijrah ke Madinah, Rasul s.a.w. memberi keutamaan kepada pendidikan umat Islam walaupun pada masa itu Baginda sedang menghadapi masalah untuk menstabilkan pemerintahan di Makkah. Baginda mengambil langkah menyusun semula pengajian dalam 3 bentuk :

- i. Umum, iaitu menerusi khutbah selepas solat fardhu, Juma’at dan hari raya
- ii. Khusus, iaitu melalui tunjuk ajar secara langsung kepada kalangan tertentu sama ada kanak-kanak, orang dewasa malahan sahabatnya sendiri; dan
- iii. Bentuk institusi, iaitu lebih sistematik terutama untuk kanak-kanak di Al-Suffah.

Baginda melantik guru dan sahabatnya sendiri. Baginda juga memerintahkan tawanan perang Badar mengajar beberapa orang Muslim membaca dan menulis sehingga pandai sebagai kaedah menggantikan wang menebus diri. Strategi yang digunakan Rasul dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah buta huruf di kalangan kanak-kanak di Madinah.

Di samping pendidikan Al-Qur’an, Rasul s.a.w. juga

- memberi penekanan kepada kesihatan fizikal dengan mengajar berenang, memanah dan berkuda.

- ❑ Mengambil kira perbezaan individu umpamanya memberi nasihat mengikut situasi dan ciri orang yang bertanya.
- ❑ Mengeluarkan fatwa mengikut keadaan dan orang yang berkaitan
- ❑ Memberi pandangan yang berbeza mengikut tahap dan kepelbagaian orang yang temuinya.
- ❑ Menggunakan kaedah ulangan supaya setiap orang faham apa yang dimaksudkan dan supaya apa yang diajarkan tidak mudah lupa. Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. biasanya mengulangi acapkali atau tiga kali bagi memastikan audiennya tidak keliru. Aishah r.a. menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. bila bercakap sangat jelas dan akan mengulang beberapa kali supaya mudah faham.

Lazimnya sesebuah sistem pendidikan dinilai kesempurnaannya melalui kualiti pelajarannya. Tujuan utamanya ialah bagi memastikan pembelajaran berlaku secara berkesan. Salah satu tanda pembelajaran telah berlaku ialah apabila terdapat *perubahan* di kalangan pelajar. Selain daripada itu, kita perlu juga sedar bahawa perubahan yang berlaku itu mestilah menunjukkan tahap yang agak berkekalan. Sekiranya perubahan yang berlaku itu hanya buat seketika, maka pendidikan belum lagi berlaku dengan berkesan. Contohnya kita tahu bahwa semudah menyuruh memberhentikan tabiat merokok sahaja kita memerlukan kerahan tenaga dan peruntukan yang besar seperti Kempen tak Nak! Setelah dididik, diberitahu, diberi amaran dan hukuman kita masih gagal untuk menyuruh anak kita atau pelajar atau guru kita berhenti dari tabiat merokok. Kenapa dan Mengapa?

Cuba kita tinjau pendidikan yang dipupuk oleh Rasulullah s.a.w. Sebelum kedatangan Islam pada zaman Jahiliah banyak kemungkaran, penzinaan, pelacuran, pembunuhan anak-anak perempuan, mabuk arak, kegiatan perjudian, rompak dan sebagainya wujud dalam masyarakat. Rasulullah s.a.w. berada di tengah-tengah keruntuhan akhlak yang amat dahsyat. Berbekalkan Risalah daripada Wahyu Allah s.w.t. Baginda mampu mentarbiyyah sejahat-jahat dan sejahil-jahil anggota masyarakat Arab ketika itu. Baginda berjaya mengubah kehidupan liar dan tindas-menindas yang sering berlaku kepada kehidupan yang saling hormat-menghormati serta perasaan muhibbah antara satu sama lain. Baginda berjaya menawan bukan sahaja persekitaran tetapi hati nurani dan pemikiran masyarakat. Risalah yang dibawa baginda terus tersebar dan mudah diterima hingga ke negara berhampiran seperti Syria, Iraq, Parsi dan Afrika Utara.

Cuba kita renungi dengan teliti soalan-soalan berikut dan cuba menjawabnya:

- Apakah strategi pengajaran-pembelajaran yang TERBAIK sekali yang guru boleh gunakan untuk melahirkan pelajar yang hebat akademik dan akhlaknya?
- Mestikah seseorang guru itu menggunakan satu strategi sahaja semasa mengajar sesuatu topik?
- Apakah peranan guru dalam mengolah pendekatan kurikulum yang pernah dipraktikkan oleh Rasul s.a.w dengan kecanggihan teknologi masa kini?
- Apakah subjek pendidikan Islam di sekolah mampu melahirkan remaja yang mantap jasmani, emosi, rohani dan intelegnya?
- Apakah yang harus kita lakukan untuk kita kembali membentuk pendidikan yang kurikulumnya mampu membentuk generasi yang beriman dan bertakwa?

Kesimpulan

Kesimpulannya, kurikulum yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah di zaman Rasulullah, kemudian diikuti oleh Khulafa' ArRashidin yang berteraskan kepada pembinaan Akidah, Akhlak dan Syariah bers-epadu di antara rohani, jasmani, teori dan praktik, dunia dan akhirat mampu mengeluarkan manusia dari kegelapan kepada cahaya Islam. Pendekatan dan amalan yang mantap serta berterusan akhirnya dapat melahirkan satu generasi umat berilmu, beramal dan bertakwa. Kehebatan Islam menyelesaikan masalah telah menyaksikan kejayaan Nabi Muhammad s.a.w. membentuk umat yang terpilih di tengah-tengah masyarakat Arab Jahiliyah yang hanyut dengan gejala sosial yang dashyat ketika itu. Rasulullah telah berjaya melahirkan *al-jil al-rabbaniyy* (generasi yang bertakwa kepada Allah) dan *khair' al-ummah* (umat yang terbaik) dan telah mendapat pengiktirafan dari Allah s.w.t sebagaimana FirmanNya yang bermaksud:

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia untuk menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah.

(Al Imran :110)

Apakah kita tidak bercita-cita untuk mendapat pengiktirafan dari Allah s.w.t memberi kesedaran membangunkan, melahirkan dan mempertahankan imej umat terbaik? Kita hendaklah sentiasa ingat bahawa Allah tidak akan mengubah nasib kita sehingga kita mengubahnya sendiri (al-Qur'an, Ar Raad :11).

Rujukan

- Al-Quran dan Terjemahnya. (1986). *Yayasan Penyelenggaraan Penterjemahan Al-Quran Jabatan Agama Islam*. Jakarta, Indonesia
- Al-Nahlawi, Abd. Rahman. (1983) *Ushul al-Tarbiyat al-Islamiyah wa Asalibiha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama*. Beirut. Dar al-Fikr
- An-Nawawi. (1998) *Riyadh as- Salihin. Jil 1*. Darussalam, Saudi Arabia.
- Al-Qardhawi, Y. (1984). *The Prophet (p.b.u.h) and Science*. Beirut: The Institution of Dar Al-Risalah.
- Che Noraini Hashim. (2004) Edisi ke 4. *Pelajar Cemerlang dan Kemahiran belajar dalam menghadapi peperiksaan*. K. Terengganu: Yayasan Percetakan Islam Terengganu
- Hassan Langgulung. (2000). *Pengenalan Tamaddun Islam dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (1998). DBP, Kaula Lumpur
- Mustafa Abdul Rahman. (2001). *Hadith Empat Puluh (40)* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Rowntree Derek. (1979). *A Dictionary of Education*. London: Harper and Row.
- Tajul Ariffin Nordin. (1988). *Prinsip Asas Pendidikan Bersepadu*. Kuala Lumpur Nurin Enterprise.
- Ulwan, Abdullah N. (1988). *The Education of Children in Islam*. Jilid 1. Singapura: Pustaka Nasional Ltd.
- Webster's New World Dictionary, of the American Language*. 3rd ed. (1988). New York: Simon & Schuster.
- Zainal Abidin Abdul Kadir. (1993). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia. Cabaran dan Harapan* Yayasan Percetakan Islam Terengganu.